

24/04/1997

Penghuni flet perlu disiplin diri

KETIKA tinggal di kampung, ibu-ibu tidak susah menjemur pakaian yang sudah dibasuh. Ampaian mudah dipasang di halaman rumah, sama ada dengan mengikat tali di antara dua batang tiang yang disediakan atau di antara dua batang pokok. Sidai saja pakaian di ampaian dan tidak ada siapa pun yang akan menuduh tuan rumah mencemarkan keindahan kampung, malah jemuran yang ditiup angin dalam keadaan panas terik mata hari menjadi sebahagian daripada panorama desa. Sesebuah rumah itu juga tidak lengkap jika tidak ada reban ayam atau tanaman seperti cili, serai dan pandan, selain pokok bunga.

Kini anak-anak kampung sudah berhijrah ke bandar. Jika bernasib baik mereka akan tinggal di kawasan perkampungan Melayu yang masih mempunyai rumah seperti `banglo'. Mungkin halaman rumah tidak seluas seperti di kampung tetapi sekurang-kurangnya anak dapat bermain dan berlari sekeliling rumah tanpa dihalang pagar dawai. Mereka yang ingin menghuni rumah batu pula tidak mungkin memilih sebuah banglo kerana sudah tentu harga atau sewanya terlalu tinggi untuk kebanyakan anak desa.

Rumah tereslah yang menjadi pilihan, sama ada setingkat atau dua tingkat. Walaupun keluasan rumah sudah terhad, sekurang-kurangnya masih ada halaman yang boleh digunakan untuk menyediakan ampaian pakaian dan untuk menanam pokok bunga sebagai perhiasan rumah. Jika pihak berkuasa tempatan dan jiran tidak begitu cerewet, mungkin dibina reban kecil di halaman sekangkang kera di belakang rumah.

Pembangunan kini semakin pesat di setiap bandar, dan sudah semestinya tanah semakin berkurangan. Mahu tak mahu, pemaju terpaksa memberi tumpuan kepada pembinaan kondominium, pangsapuri dan flet di kawasan berhampiran pusat bandar. Warga kota terpaksa membuat pilihan, mereka tidak boleh berharap untuk tinggal di rumah teres berhampiran bandar kerana sudah tentu harga rumah jenis itu di luar jangkauan mereka. Seperti kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pulau Pinang kelmarin, rakyat seharusnya bersedia tinggal di bangunan bertingkat dan tidak terus meminta untuk tinggal di rumah teres yang mempunyai halaman luas.

Dr Mahathir berkata, selain menerima hakikat itu, rakyat juga mesti belajar untuk hidup dalam keadaan persekitaran baru itu. "Kita mesti mendisiplinkan diri ketika tinggal di bangunan tinggi," katanya. Apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri ialah kebersihan, kesempurnaan peralatan seperti lif dan keindahan bangunan kediaman tinggi mesti dijaga. Selain memastikan lif yang disediakan tidak rosak dan sentiasa berfungsi, Dr Mahathir tidak mahu penghuni flet menjemur pakaian seperti mengibar bendera di luar unit kediaman masing-masing.

Teguran Dr Mahathir itu sememangnya berasas. Tinjau sajalah bangunan flet tinggi di tengah ibu kota, sudah pasti kita akan melihat penghuninya menjemur pakaian di luar verandah atau tingkap. Lebih buruk lagi ialah apabila jemuran digantung pada galah yang dihulur ke luar tingkap. Sakit mata memandang.

Selain sikap ambil mudah penghuninya, pemaju bangunan flet itu juga harus dipersalahkan. Pemaju sepatutnya mengambil kira setiap kemudahan yang diperlukan oleh penghuni. Selain tempat sesuai untuk menjemur pakaian, pemaju juga harus menyediakan kemudahan riadah dan rekreasi, serta tempat letak kereta yang mencukupi. Selain itu pemaju perlu disyaratkan memasang satu antena televisyen utama untuk kegunaan semua penghuni flet supaya sesebuah bangunan tidak kelihatan cacat. Tidak dapat dinafikan, kebanyakan

bangunan flet terutama kos rendah tidak ubah seperti sarang merpati. Pemaju, sama ada swasta atau pihak berkuasa tempatan, seolah-olah menyediakan tempat tidur saja, bukan kediaman selesa bagi sebuah keluarga.

Umumnya, tidak ada tempat beriadah dan kemudahan rekreasi di sekitar bangunan berkenaan. Bayangkan seorang remaja yang berasa kurang selesa di flet keluarganya. Di mana harus dia menghabiskan tenaga yang banyak itu jika tidak ada tempat untuk bersukan atau sekurang-kurangnya untuk menemui rakan sebaya?

Kenapa pemaju menyediakan rumah kelab, kolam renang dan gelanggang tenis di kondominium mewah saja? Sekurang-kurangnya biarlah ada dewan orang ramai dan gelanggang takraw. Tidak hairanlah jika remaja penghuni flet terbabit dalam pelbagai gejala sosial.

Dalam usaha menjaga kebersihan dan mengelakkan kerosakan lif, mungkin sukar untuk melaksana atau menguatkuasakan undang-undang yang boleh menghukum penghuni yang ingkar. Yang penting ialah pendidikan berterusan mengenai nilai hidup yang baik dan penerapan semula cara hidup di kampung. Walaupun kita tidak lagi tinggal di rumah berhalaman luas, tidak semestinya kita tidak boleh meneruskan semangat kejiranan ketika di kampung dulu.

(END)